

Helaian Maklumat Produk – RSME Portfolio Guarantee Revival

Pelanggan yang dihormati,

Helaian Maklumat Produk memberi anda informasi penting berkaitan dengan produk **RSME Portfolio Guarantee Revival**.

Pelanggan lain telah membaca Helaian Maklumat Produk ini dan mendapati ianya bermanfaat, dan anda juga patut membacanya.



Tarikh:

1

Apakah Produk RSME Portfolio Guarantee Revival?

Untuk membantu PKS yang berpotensi tetapi tiada akses untuk cagaran untuk memohon kemudahan pembiayaan.

Kemudahan pembiayaan modal kerja dalam bentuk pinjaman berjangka sehingga tempoh matang 7 tahun.

Surat Jaminan daripada Pengarah Syarikat (Sdn Bhd dan LLP) beserta jaminan dari Credit Guarantee Corporation (CGC) akan digunakan sebagai cagaran/sekuriti bagi pembiayaan

2

Tahu Tanggungjawab Anda

- Jumlah Pembiayaan: RM1,000,000
- Ansuran Bulanan : RM16,165
- Tempoh Pembiayaan : 7 years
- Kadar Faedah : *KPA+ 2.75%
- Kadar Faedah Efektif : 9.15%

Jumlah keseluruhan bayaran adalah RM1,357,886 pada akhir tempoh pembiayaan 7 tahun

*KPA : Kadar Pinjaman Asas

Anda perlu membayar yuran & caj berikut:

- Duti Setem : 0.5% dari jumlah pembiayaan
- Yuran Pengeluaran : Dikecualikan
- Yuran Jaminan : Purata dari 1.30% to 6.50% setahun (termasuk dalam kadar faedah)
- Denda ansuran lewat : 1% setahun ke atas jumlah tertunggak
- Bergantung kepada semua cukai & levi yang dikenakan oleh undang-undang dari semasa ke semasa

Tanggungjawab anda untuk :



Baca dan fahamkan terma & syarat sebelum menanda tangani kontrak.



Membuat pembayaran ansuran bulanan.. Hubungi kami sekiranya ingin menjelaskan baki pembiayaan sebelum tempoh matang



Hubungi kami segera untuk berbincang sekiranya anda mempunyai masalah untuk membuat bayaran balik

3

Tahu Risiko Anda

Apa akan berlaku jika anda gagal memenuhi obligasi saya?

1. Anda membayar melebihi jumlah pinjaman disebabkan denda ansuran lewat dan faedah kompaun.
2. Pihak Bank berhak menggunakan mana-mana baki kredit dalam akaun anda yang dibuka di Bank untuk melunaskan jumlah ansuran tertunggak.
3. Pihak Bank berhak mengambil tindakan undang-undang terhadap anda.
4. Kredit skor anda akan terkesan dan menyebabkan akses untuk kredit lebih mahal untuk anda.

4

Lain-lain terma & syarat

- Skim Perlindungan Peribadi Berkurangan Berjangka (PRTA) akan ditawarkan kepada pemilik perniagaan / Pengarah Urusan / Pengurus Bersama / Rakan Kongsi / Pemilik Persendirian untuk melindungi mereka sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal.
- Manfaat Tambahan : SME First Account, M2U biz, etc

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di :



Talian
1-300-88-6688



Laman Web
www.maybank2u.com.my

Pengesahan Pelanggan

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan memahami apa yang anda tandatangani :-

- Saya menerima Helaian Maklumat Produk dari pihak Maybank
- Saya telah membaca dan memahami kandungan informasi dalam Maklumat Helaian Produk ini

.....
Nama :

Tarikh :